



**GARIS PANDUAN**  
***CREDENTIALING* AMALAN**  
**FARMASI BAGI AHLI**  
**FARMASI BERDAFTAR**

**2024**

**BAHAGIAN LEMBAGA FARMASI MALAYSIA**  
**PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI, KKM**

**EDISI PERTAMA**

**2024**

Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, atau dihantar, dalam apa jua bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik, mekanikal, rakaman, atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

**Program Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz  
46200 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia  
03-7841 3200**

**[www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my)**

## KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN .....	1
2.0	DEFINISI ISTILAH .....	2
3.0	PENGENALAN .....	4
3.1	JAWATANKUASA INDUK <i>CREDENTIALING</i> AMALAN FARMASI (JICAF) .....	4
3.2	JAWATANKUASA PELAKSANA & TEKNIKAL (JKPT) .....	6
4.0	OBJEKTIF .....	8
5.0	SKOP .....	8
6.0	PROSEDUR PERMOHONAN .....	8
6.1	Pra Permohonan Bidang Pengkhususan Baharu .....	8
6.2	Permohonan Kelulusan Bidang / Modul Pengkhususan Baharu .....	12
6.3	Permohonan <i>Credentialing</i> oleh Ahli Farmasi Berdaftar yang layak .....	13
7.0	PENUTUP .....	17
	LAMPIRAN 1 .....	19
	LAMPIRAN 2 .....	20

## 1.0 PENDAHULUAN

Perkembangan pesat bidang perubatan dan farmaseutikal telah menghasilkan pelbagai kaedah rawatan baharu dan sofistikated. Ini sekaligus memberikan cabaran dalam tugas dan tanggungjawab Ahli Farmasi dalam mengekalkan perkhidmatan yang berkualiti dan kompeten sebagai salah satu profesion dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.

Ahli Farmasi turut berperanan dalam memastikan produk-produk farmaseutikal di Malaysia adalah selamat, berkualiti dan berkesan melalui kawalan regulatori dan penguatkuasaan.

Bagi memastikan keseragaman tahap kompetensi Ahli Farmasi Berdaftar di Malaysia, satu garis panduan *credentialing* perlu diwujudkan sebagai panduan piawaian kualiti kepada semua ahli farmasi di sektor awam dan swasta.

Sejajar dengan perkembangan pesat dalam perkhidmatan farmasi dan juga kompleksiti tugas, satu garis panduan *credentialing* bagi Ahli Farmasi Berdaftar telah dirangka agar perkhidmatan penjagaan farmaseutikal, kawalan regulatori dan penguatkuasaan adalah setara di seluruh negara dan mewujudkan satu mekanisme untuk mengiktiraf Ahli Farmasi Berdaftar yang mempunyai kemahiran dan pengkhususan tertentu dalam sesuatu bidang. Proses *credentialing* dipercayai sebagai salah satu proses dalam memastikan penyampaian perkhidmatan farmaseutikal yang berkualiti kepada rakyat Malaysia.

Hala tuju *credentialing* telah dinyatakan dengan jelas di bawah Dasar Ubat Nasional (DUNas) 2022-2026, Komponen 1: Tadbir Urus Ubat-ubatan, Strategi 4 - Memantapkan kapasiti dan keupayaan modal insan. Garis Panduan *Credentialing* Amalan Farmasi Bagi Ahli Farmasi Berdaftar 2024 ini juga akan diguna pakai sebagai rujukan Jawatankuasa Induk *Credentialing* Amalan Farmasi (JICAF) serta tiga (3) Jawatankuasa Pelaksana & Teknikal (JKPT) di bawahnya.

## 2.0 DEFINISI ISTILAH

### 2.1 **Ahli Farmasi Berdaftar**

Ahli Farmasi Berdaftar Penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia mengikut peruntukan Seksyen 6B Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 (Akta 371) dan mengekalkan Sijil Tahunan selaras dengan Seksyen 16 Akta yang sama.

### 2.2 **Amalan Farmasi**

Perkhidmatan penjagaan farmaseutikal, kawalan regulatori, penguatkuasaan, industri farmaseutikal dan akademia.

### 2.3 **Audit sendiri**

Audit oleh fasiliti yang memohon untuk menjadi pusat latihan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh JKPT.

### 2.4 **Bidang Pengkhususan**

Merujuk kepada bidang khusus yang diiktiraf dalam amalan farmasi bagi sektor awam dan swasta.

### 2.5 ***Credentialing***

*Credentialing* merupakan satu proses mengiktiraf Ahli Farmasi Berdaftar yang terlatih dan memiliki kemahiran dalam bidang pengkhususan tertentu.

### 2.6 ***Credentials***

*Credentials* merujuk kepada kelayakan dalam bidang amalan farmasi yang diperakui oleh JICAF.

### 2.7 **Farmasi komuniti *independent***

Farmasi komuniti *independent* merujuk kepada premis farmasi yang dimiliki dan diuruskan secara peribadi oleh ahli farmasi atau individu, tanpa penglibatan rangkaian farmasi.

## 2.8 **Ketua Jabatan/Agensi**

Ketua atau individu yang mengetuai sesebuah bahagian/seksyen/unit di mana pelatih bertugas.

## 2.9 **Lawatan penilaian**

Audit fasiliti oleh JKPT bagi permohonan pusat latihan mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

## 2.10 **Pelatih**

Ahli Farmasi Berdaftar yang mempunyai kelayakan asas dalam bidang yang berkaitan.

## 2.11 **Penyelia**

Merujuk kepada Ketua Unit atau Ahli Farmasi Berdaftar yang ditugaskan bagi menyelia dan memantau pelaksanaan latihan di fasiliti pelatih.

## 2.12 **Preceptor**

Ahli Farmasi Berdaftar yang dilantik berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan sama ada secara lantikan atau secara permohonan yang ditugaskan untuk melatih dan memantau Ahli Farmasi Berdaftar menjalani latihan sangkutan berkaitan bidang pengkhususan.

Bagi bidang penjagaan farmaseutikal, preceptor merujuk kepada pegawai farmasi yang telah dilantik oleh Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengajar, memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta membantu perkembangan pelatih mengikut modul-modul tertentu seperti yang ditetapkan.

## 2.13 **Pusat Latihan**

Fasiliti yang dikenal pasti dan diiktiraf oleh JKPT untuk latihan sangkutan.

## 2.14 Referee

Individu yang dirujuk untuk menyokong / mengesahkan maklumat pemohon dalam bidang berkaitan.

Bagi Ahli Farmasi Berdaftar di farmasi komuniti *independent*, *referee* akan bertindak sebagai individu yang menyokong laporan kemajuan dan borang permohonan *credentialing* baharu / pengekalan.

## 3.0 PENGENALAN

Mesyuarat Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) ke-135 pada 8 Mac 2023 telah bersetuju dengan penubuhan satu (1) jawatankuasa induk untuk menyelaras tadbir urus *credentialing* amalan farmasi bagi tujuan perakuan Ahli Farmasi Berdaftar yang memiliki kemahiran / pengkhususan tertentu. Tiga (3) Jawatankuasa Pelaksana & Teknikal turut ditubuhkan bagi bidang penjagaan farmaseutikal, penguatkuasaan & regulatori serta komuniti & industri.



\* JK Kerja / Task force khusus boleh diwujudkan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

Rajah: Struktur tadbir urus *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar

## 3.1 JAWATANKUASA INDUK CREDENTIALING AMALAN FARMASI (JICAFA)

### 3.1.1 OBJEKTIF

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi menentukan halatuju *credentialing* dalam pengiktirafan kelulusan dan latihan professional ahli farmasi berdaftar adalah terlatih, mahir dan cekap dalam sesuatu bidang khusus melalui sistem penilaian yang berstruktur.

### **3.1.2 SKOP**

Jawatankuasa ini akan meneliti cadangan pengiktirafan kemahiran lanjutan / pengkhususan agar selaras dengan perkembangan perkhidmatan dan profesion farmasi dengan meliputi perkara-perkara berkaitan bidang amalan dan lain-lain yang berkaitan dengan bidang kemahiran lanjutan / bidang bagi tujuan *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar.

### **3.1.3 KEANGGOTAAN**

Jawatankuasa akan dipengerusikan oleh Pengerusi yang dilantik berdasarkan persetujuan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) ke atas cadangan yang dikemukakan.

Pemilihan ahli jawatankuasa adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i. Pengalaman yang luas dalam mana-mana bidang perkhidmatan farmasi (termasuk bidang akademik, praktis farmasi atau industri farmaseutikal).
- ii. Kepakaran yang spesifik dalam bidang / isu berkaitan.
- iii. Mewakili institusi, industri atau bidang farmasi dalam perkhidmatan awam atau swasta.

### **3.1.4 MESYUARAT**

- i. Pengerusi jawatankuasa hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat yang dihadapinya.
- ii. Semasa ketiadaan beliau, mesyuarat akan dipengerusikan oleh Pengerusi silih ganti yang dilantik.
- iii. Jawatankuasa perlu mengadakan mesyuarat tidak kurang dari dua kali setahun. Masa dan lokasi mesyuarat akan ditetapkan oleh Pengerusi Mesyuarat.
- iv. Minimum sembilan (9) orang ahli jawatankuasa perlu hadir termasuk pengerusi untuk membolehkan mesyuarat membuat keputusan.

### **3.1.5 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JICAF**

- i. Merancang dan menetapkan hala tuju *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar di Malaysia.
- ii. Membentuk dan menentukan polisi berkaitan piawaian pengiktirafan baharu dan pengekalan penyenaian *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar.
- iii. Menyelaraskan *standard* umum modul pemberi latihan bagi tujuan *credentialing*.

- iv. Memberikan perakuan bidang baharu dan bidang sedia ada bagi *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar untuk makluman LFM.
- v. Memberikan perakuan pengiktirafan baharu dan pengekalan *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar bagi tujuan Senarai Daftar *Credentialing* Amalan Farmasi untuk makluman LFM.

### 3.2 JAWATANKUASA PELAKSANA & TEKNIKAL (JKPT)

Terdapat tiga (3) JKPT di bawah JICAF iaitu:

- i. JKPT Penjagaan Farmaseutikal
- ii. JKPT Penguatkuasaan & Regulatori
- iii. JKPT Komuniti & Industri

#### 3.2.1 OBJEKTIF

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengenal pasti bidang pengkhususan bagi tujuan *credentialing* dan penilaian ke atas Ahli Farmasi Berdaftar selanjutnya mengesyorkan cadangan untuk diperakukan di peringkat Jawatankuasa Induk *Credentialing* Amalan Farmasi.

#### 3.2.2 SKOP

Jawatankuasa ini akan meneliti bidang pengkhususan / lanjutan agar selaras dengan perkembangan perkhidmatan dan profesion farmasi dengan meliputi perkara-perkara berkaitan penyelarasan modul latihan dan pembuktian latihan / aktiviti; dan penilaian pengetahuan serta kemahiran melalui peperiksaan dan viva (jika perlu) bagi Ahli Farmasi Berdaftar.

#### 3.2.3 KEANGGOTAAN

Jawatankuasa dipengerusikan oleh Pengerusi yang dilantik.

Pemilihan ahli jawatankuasa adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i. Pengalaman yang luas dalam bidang perkhidmatan, praktis, profesion atau industri farmaseutikal.
- ii. Kepakaran yang spesifik dalam bidang / isu berkaitan.
- iii. Mewakili KKM dan institusi, industri atau bidang farmasi di sektor awam dan swasta\*.

[\*Nota: Keahlian bagi JK Pelaksana dan Teknikal Penguatkuasaan & Regulatori, adalah terhad kepada ahli KKM sahaja.]

### 3.2.4 MESYUARAT

- i. Pengerusi jawatankuasa hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat yang dihadapinya.
- ii. Semasa ketiadaan beliau, mesyuarat akan dipengerusikan oleh Pengerusi silih ganti yang dilantik.
- iii. Jawatankuasa perlu mengadakan mesyuarat yang dijadualkan. Masa dan lokasi mesyuarat akan ditetapkan oleh Pengerusi Mesyuarat.
- iv. Minimum tujuh (7) orang ahli jawatankuasa perlu hadir termasuk pengerusi untuk membolehkan mesyuarat membuat keputusan.

### 3.2.5 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JKPT

- i. Mengenal pasti bidang sedia ada dan merancang bidang baharu yang berpotensi untuk *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar.
- ii. Menyaring dan menyemak permohonan baharu dan pengkalan *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar.
- iii. Menetapkan kriteria permohonan *credentialing* berdasarkan bidang kemahiran / pengkhususan.
- iv. Mencadangkan polisi dan kriteria bagi yang akan atau sedang mengendalikan modul latihan kemahiran / pengkhususan farmasi untuk pengiktirafan Mesyuarat Jawatankuasa Induk *Credentialing* Amalan Farmasi.
- v. Mengkaji dan menilai semula modul bidang kemahiran / pengkhususan yang dicadangkan untuk disyorkan pengiktirafan dalam Mesyuarat JK Induk *Credentialing* Amalan Farmasi.
- vi. Bertanggungjawab membentuk *task force* bidang tertentu yang memerlukan kepakaran dalam bidang baharu yang dicadangkan.
- vii. Membentangkan penilaian permohonan dan mengemukakan syor berkaitan pengiktirafan *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar dalam Mesyuarat JK Induk *Credentialing* Amalan Farmasi.
- viii. Mengenal pasti dan mengesyorkan pusat latihan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan bagi latihan sesuatu kemahiran / pengkhususan.

## 4.0 OBJEKTIF

Garis panduan *credentialing* ini diwujudkan sebagai rujukan bagi permohonan *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar yang mempunyai tahap kemahiran / pengkhususan tertentu yang berkualiti dalam penyampaian perkhidmatan farmasi di sektor awam mahupun swasta.

## 5.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua Ahli Farmasi Berdaftar yang mengamal di Malaysia.

## 6.0 PROSEDUR PERMOHONAN

### 6.1 Pra Permohonan Bidang Pengkhususan Baharu

Perkara-perkara yang perlu disediakan sebelum membuat permohonan dalam bidang pengkhususan baharu:

- i. Protokol bagi bidang pengkhususan berkaitan.
- ii. Modul Latihan Bahagian 1 dan 2 (perlu merangkumi teori dan praktikal). Sijil tamat latihan akan dikeluarkan oleh penyedia modul bagi pemohon yang lulus latihan Bahagian 1 dan 2.
- iii. Rekod Latihan.
- iv. Bahan pengajaran.
- v. Pusat Latihan.
- vi. Preseptor.

### LANTIKAN FASILITI SEBAGAI PUSAT LATIHAN

#### **SYARAT DAN LANTIKAN PUSAT LATIHAN SECARA UMUM:**

1. Mematuhi syarat lantikan yang ditetapkan oleh JKPT.
2. Mempunyai kapasiti untuk menjalankan latihan bidang pengkhususan yang berkaitan.
3. Mempunyai preseptor dalam bidang pengkhususan berkaitan.
4. Menjalankan audit sendiri mengikut keperluan yang ditetapkan oleh JKPT.
5. Lulus penilaian oleh JKPT.

#### **PROSEDUR PELANTIKAN PUSAT LATIHAN**

1. Kenal pasti fasiliti pusat latihan oleh Negeri/Ketua Jabatan/Ibu Pejabat.

2. Audit fasiliti /audit sendiri hendaklah dijalankan di peringkat Negeri/Ketua Jabatan/Ibu Pejabat terlebih dahulu untuk menilai kesesuaian fasiliti sebagai pusat latihan.
3. Selepas audit fasiliti dijalankan, surat permohonan lantikan fasiliti sebagai pusat latihan perlu dihantar kepada sekretariat JKPT melalui:
  - i. pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) bagi fasiliti KKM atau;
  - ii. Ketua Jabatan Farmasi bagi Hospital Universiti, Hospital Angkatan Tentera dan fasiliti swasta atau;
  - iii. ibu pejabat farmasi komuniti (untuk sokongan).
4. Hanya farmasi komuniti *independent* sahaja yang boleh menghantar permohonan terus kepada Sekretariat JICAF. Sekretariat JICAF akan menyalurkan permohonan tersebut kepada JKPT yang berkaitan (JKPT Penjagaan Farmaseutikal atau JKPT Komuniti & Industri) untuk tindakan selanjutnya.
5. Seterusnya lawatan penilaian fasiliti akan dilaksanakan oleh JKPT sekiranya fasiliti merupakan pusat latihan yang pertama dalam bidang pengkhususan tersebut.

Nota: Sekiranya permohonan fasiliti sebagai pusat latihan kedua dan seterusnya, lawatan penilaian akan dilaksanakan jika JKPT mendapati penemuan semasa audit fasiliti tidak memuaskan atau terdapat keperluan lain yang perlu dipertimbangkan.
6. Lawatan penilaian fasiliti bagi:
  - a) pusat latihan pertama: dijalankan oleh JKPT bagi mewujudkan 'benchmarking'.
  - b) pusat latihan kedua dan seterusnya: dijalankan oleh *sub-committee* (JKK JKPT) yang dilantik mengikut '*benchmark*' yang telah diiktiraf.
7. Selepas lawatan penilaian, **laporan penilaian dari JKPT akan disediakan dalam tempoh 30 hari bekerja\***. JKPT akan memaklumkan keputusan lawatan penilaian kepada fasiliti. [\*berdasarkan keputusan Mesyuarat JICAF ke-5 pada 9 Disember 2025]
8. Sekiranya laporan lawatan penilaian mendapati penemuan tidak memuaskan, fasiliti perlu membuat penambahbaikan atau tindakan pembetulan dan

menghantar maklum balas kepada JKPT dalam tempoh 3 bulan. Penilaian semula laporan oleh JKPT akan dibuat dalam tempoh 1 bulan.

9. JKPT akan mengeluarkan surat dan sijil pelantikan pusat latihan kepada fasiliti. Senarai pusat latihan yang diluluskan akan dimaklumkan oleh JKPT dalam Mesyuarat JICAF.

## **SYARAT DAN LANTIKAN PRESEPTOR**

Syarat lantikan preseptor secara terperinci adalah **tertakluk kepada JKPT masing-masing**.

### **TERMA RUJUKAN PRESEPTOR**

1. Tugas dan tanggungjawab:
  - a) Melibatkan diri secara aktif dalam bidang pengkhususan di peringkat fasiliti, negeri ataupun kebangsaan.
  - b) Merancang perkembangan perkhidmatan mengikut amalan terkini bidang pengkhususan di pusat latihan yang dilantik.
  - c) Melatih Ahli Farmasi Berdaftar yang menjalani latihan sangkutan mengikut modul latihan yang ditetapkan.
  - d) Menyemak, membuat penilaian dan menghantar rekod latihan sangkutan pelatih dan hantar ke JKPT yang berkaitan.
  
2. Tempoh lantikan:
  - a) Setiap preseptor yang dilantik hendaklah kekal menjadi preseptor dalam bidang pengkhususan yang dilantik bagi tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun di pusat latihan yang sama atau setara.
  - b) Sekiranya preseptor bercadang untuk bertukar/ melanjutkan pelajaran, preseptor/fasiliti yang dilantik perlu memastikan terdapat calon preseptor baharu (telah dilatih) yang akan menggantikannya di fasiliti pusat latihan sekurang-kurangnya 6 bulan (fasiliti kerajaan) atau 1 bulan (fasiliti swasta) sebelum tarikh pertukaran/ melanjutkan pelajaran.
  - c) Pengarah Bahagian/Timbangan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/ Ketua Jabatan perlu memastikan ada pengganti sebelum sebarang pertukaran dibuat melibatkan preseptor yang telah dilantik.
  - d) Jika preseptor tersebut berpindah ke fasiliti yang lain dan masih terlibat di dalam perkhidmatan yang sama;

- i. satu surat makluman perlu dikemukakan kepada JKPT untuk lantikan preseptor tambahan (jika fasiliti yang baharu telah menjadi pusat latihan); atau
- ii. satu surat permohonan baharu perlu dikemukakan kepada JKPT untuk lantikan pusat latihan dan preseptor (jika fasiliti yang baharu belum dilantik sebagai pusat latihan dan Pengarah Bahagian/Timbangan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/Ketua Jabatan bercadang untuk menjadikannya sebagai pusat latihan).

#### **KRITERIA AHLI FARMASI BERDAFTAR UNTUK DILANTIK SEBAGAI PRESEPTOR**

- 1) Perakuan bebas daripada sabitan mahkamah bagi kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Program Perkhidmatan Farmasi dan bebas tindakan tatatertib ataupun salah laku profesional di bawah LFM bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakang.
- 2) Memenuhi kriteria sebagai seorang preseptor berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh JKPT.
- 3) Sekurang-kurangnya memenuhi kriteria seperti berikut:
  - i. Fasiliti kerajaan : Gred UF 48 (fasiliti kerajaan) dan ke atas serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang pengkhususan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
  - ii. Fasiliti swasta : Pengalaman bekerja sebagai Ahli Farmasi Berdaftar tiga (3) tahun ke atas dalam bidang pengkhususan.
  - iii. Permohonan lantikan preseptor bagi gred UF 44 (fasiliti kerajaan) akan dipertimbangkan oleh JKPT dengan justifikasi yang munasabah.
- 4) Lulus latihan sangkutan penuh dengan memenuhi keperluan modul latihan yang ditetapkan serta diperakui oleh preseptor di tempat latihan.
  - i. Modul latihan Bahagian 1: Latihan sangkutan di pusat latihan bagi tempoh minimum 40 jam.
  - ii. Modul latihan Bahagian 2: Latihan sangkutan di fasiliti pelatih bagi tempoh minimum 12 minggu.
- 5) Keutamaan diberikan kepada pegawai yang mempunyai:
  - i. Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang pengkhususan; atau
  - ii. pengiktirafan *credentialing* dalam bidang pengkhususan
- 6) Permohonan untuk menjadi preseptor dihantar secara rasmi kepada JKPT sekurang-kurangnya enam (6) bulan mengamal selepas tamat latihan sangkutan.
- 7) Diperakui oleh Pengarah Bahagian/Timbangan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/Ketua Jabatan untuk dilantik sebagai preseptor dalam bidang pengkhususan berkaitan.

- 8) Bersedia dan kekal menjadi preceptor dalam bidang pengkhususan yang dilantik sekurang-kurangnya dua (2) tahun di pusat latihan yang sama atau setara.
- 9) Keutamaan diberikan kepada Ahli Farmasi Berdaftar yang terlibat secara aktif dalam bidang pengkhususan.

## 6.2 Permohonan Kelulusan Bidang / Modul Pengkhususan Baharu

- 1) Cadangan bidang dan modul *credentialing* dibincangkan diperingkat JKPT.
- 2) Permohonan bidang baharu yang telah dipersetujui diperingkat JKPT perlu dibentangkan dalam Mesyuarat JICAF dengan objektif dan justifikasi yang kukuh oleh pihak JKPT / penyedia modul.
- 3) Isi kandungan pembentangan perlu merangkumi topik-topik di bawah:
  - i. Pengenalan kepada bidang pengkhususan baharu yang dipohon
  - ii. Impak positif kepada bidang pengkhususan baharu
  - iii. Peranan pelatih dan preceptor yang terlibat
  - iv. Ketersediaan fasiliti dan dokumentasi berpandukan kepada protokol dan modul latihan, pusat latihan dan perancangan preceptor
  - v. Justifikasi permohonan bidang pengkhususan
- 4) Kandungan modul latihan yang dibentang perlu merangkumi perkara asas yang berikut:
  - i. *Introduction*
  - ii. *Type of training*
  - iii. *Training location*
  - iii. *Training duration*
    - **Modul latihan Bahagian 1:** Latihan sangkutan di pusat latihan bagi tempoh **minimum 40 jam**.
    - **Modul latihan Bahagian 2:** Latihan sangkutan di fasiliti pelatih bagi tempoh **minimum 12 minggu**
  - iv. *Training component*
  - v. *Delivery methods*
  - vi. *Evaluation methods*
- 5) Keputusan dalam Mesyuarat JICAF adalah muktamad.
- 6) Sekiranya tidak berjaya, alasan penolakan akan dimaklumkan kepada pemohon (cth: melalui cabutan minit mesyuarat)

- 7) Pemohon boleh melakukan penambahbaikan dan menghantar permohonan baharu melalui JKPT untuk dibawa ke Mesyuarat JICAF.

**Rujuk Lampiran 1: Permohonan Kelulusan Bidang / Modul Pengkhususan Baharu**

### 6.3 Permohonan *Credentialing* oleh Ahli Farmasi Berdaftar yang layak

Permohonan *credentialing* baharu atau pengekatan perlu mematuhi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan.

Nota tambahan bagi Pegawai Farmasi (KKM):

- a) Pegawai farmasi yang sedang atau akan bercuti belajar pada tahun semasa, diminta untuk memohon pengiktirafan *credentialing* setelah tamat cuti belajar memandangkan terdapat kemungkinan pegawai tidak lagi ditempatkan bertugas di dalam bidang yang dipohon.
- b) Pegawai tidak layak untuk menuntut mata CPD bagi pengiktirafan *credentialing* yang diterima.

#### **Syarat-syarat permohonan *Credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar (Permohonan Baharu)**

- 1) Perakuan bebas daripada sabitan mahkamah bagi kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Program Perkhidmatan Farmasi dan bebas tindakan tatatertib ataupun salah laku profesional di bawah LFM bagi tempoh tiga tahun kebelakang.
- 2) Berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia.
- 3) Mempunyai Sijil Tahunan terkini.
- 4) Telah menjalani latihan sangkutan di fasiliti yang telah disenaraikan dan lulus dengan jayanya ATAU telah dilantik sebagai preceptor oleh JKPT.
- 5) Telah memulakan/ menjalankan perkhidmatan dalam bidang yang dipohon selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun dari tarikh lulus latihan sangkutan.
- 6) Menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) ceramah/ pembentangan/ penerbitan berkaitan bidang yang dipohon sekurang-kurangnya di peringkat fasiliti
  - a) dalam tempoh satu (1) tahun selepas lulus latihan sangkutan, ATAU
  - b) dalam tempoh satu (1) tahun sebelum permohonan
- 7) Borang Permohonan Baharu *Credentialing* perlu mendapat sokongan daripada:

- a) Timbalan Pengarah Farmasi/ Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/ Ketua Jabatan Farmasi (bagi fasiliti kerajaan).
  - b) Ketua Unit/ setaraf (bagi fasiliti swasta)
- 8) Seorang ahli farmasi hanya boleh memohon untuk maksimum dua (2) bidang *credentialing* sahaja. Tempoh sah (*validity*) *credential* adalah tiga (3) tahun dari tarikh kelulusan permohonan.
- 9) Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan baharu *credentialing*:
- a) Satu (1) salinan Borang Permohonan *Credentialing*.
  - b) Satu (1) salinan Laporan Kemajuan Selepas Latihan Sangkutan.
  - c) Satu (1) salinan Sijil Tahunan Ahli Farmasi.
  - d) Satu (1) salinan Sijil Latihan Sangkutan atau Surat Lantikan Preceptor yang disahkan.
  - e) Satu (1) salinan sijil aktiviti ceramah/ pembentangan/ penerbitan yang disahkan.
- 10) Dokumen permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui **Ketua Unit/setaraf dan Timbalan Pengarah Farmasi/Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/ Ketua Jabatan\*** kepada:

Sekretariat Jawatankuasa Induk *Credentialing* Amalan Farmasi (JICAF)  
 Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia  
 Lot 36, Jalan Prof. Diraja Ungku Aziz,  
 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
 Tel. : 03 – 78413200

*\*Pengecualian diberi kepada permohonan Ahli Farmasi Berdaftar di farmasi komuniti 'independent' yang boleh dihantar terus kepada sekretariat JICAF.*

**Syarat-syarat permohonan *credentialing* ahli farmasi (Permohonan pengekalan):**

- 1) Perakuan bebas daripada sabitan mahkamah bagi kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Program Perkhidmatan Farmasi dan bebas tindakan tatatertib ataupun salah laku profesional di bawah LFM bagi tempoh tiga tahun kebelakang.
- 2) Mempunyai Sijil Tahunan Ahli Farmasi terkini.
- 3) Mempunyai Sijil Perakuan *Credentialing* (pertama kali permohonan pengekalan) atau Sijil Pengekalan *Credentialing* (permohonan pengekalan kali kedua dan seterusnya).
- 4) Masih menjalankan perkhidmatan dalam bidang yang dipohon.
- 5) Menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) ceramah/ pembentangan/ penerbitan setiap tahun dalam tempoh tiga (3) tahun *credentialing* di mana-

- mana persidangan, seminar atau bengkel sekurang-kurangnya di peringkat negeri.
- 6) Borang Pengekalan *Credentialing* perlu mendapat sokongan daripada Ketua Unit/setaraf dan Timbalan Pengarah Farmasi/ Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/ Ketua Jabatan Farmasi.
  - 7) Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan pengekalan *credentialing*:
    - a) Satu (1) salinan Borang Pengekalan *Credentialing*
    - b) Satu (1) salinan Sijil Perakuan *Credentialing*/ Pengekalan *Credentialing* yang disahkan
    - c) Satu (1) salinan sijil setiap aktiviti ceramah/ pembentangan/ penerbitan bagi tiga (3) tahun terkini yang disahkan
  - 8) Menghantar permohonan dalam jangkamasa enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pengiktirafan.
  - 9) Semua dokumen permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui **Ketua Unit/setaraf dan Timbalan Pengarah Farmasi/Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/ Ketua Jabatan\*** kepada:

Sekretariat Jawatankuasa Induk *Credentialing* Amalan Farmasi (JICAF)  
Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia  
Lot 36, Jalan Prof. Diraja Ungku Aziz,  
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Tel. : 03 – 78413200

*\* Pengecualian diberi kepada permohonan Ahli Farmasi Berdaftar di farmasi komuniti 'independent' yang boleh dihantar terus kepada sekretariat JICAF.*

**Nota: Syarat-syarat permohonan *credentialing* baharu / pengekalan akan disemak dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Syarat-syarat permohonan terkini boleh dirujuk di laman sesawang [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my).**

**PROSES KERJA PERMOHONAN *CREDENTIALING* AHLI FARMASI BERDAFTAR (BAHARU  
ATAU PENGEKALAN)**

<b>BIL.</b>	<b>TANGGUNG JAWAB</b>	<b>PROSES KERJA</b>	<b>BORANG/SENARAI SEMAK</b>
1.	Sekretariat JICAF	Terima permohonan <i>credentialing</i>	Borang permohonan <i>Credentialing</i> Ahli Farmasi Berdaftar (baharu atau pengekalan)
2.	Sekretariat JICAF	Semak permohonan  2.1 Sekiranya lengkap, permohonan diproses 2.2 Sekiranya tidak lengkap, permohonan ditolak	
3.	Sekretariat JICAF	Serah permohonan kepada JKPT yang berkaitan bagi tujuan penilaian	
4.	JKPT	Terima permohonan dari sekretariat JICAF	
5.	JKPT	Penilaian teknikal <i>credentialing</i>	
6.	JKPT	Serah laporan penilaian teknikal kepada sekretariat JICAF	
7.	Sekretariat JICAF  JKPT	Bentang rumusan penilaian teknikal permohonan <i>credentialing</i>  Pengerusi / Pengerusi silih ganti JKPT akan memberi justifikasi sekiranya terdapat persoalan lanjut dari Ahli JICAF.  7.1 Jika lulus, permohonan diterima	

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	BORANG/SENARAI SEMAK
		7.2 Jika tidak lulus, permohonan ditolak	
8.	Sekretariat JICAF	Maklum keputusan kepada pihak negeri / pemohon	

Rujuk Lampiran 2: Carta Alir Permohonan Baharu / Pengekalan *Credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar

## 7.0 PENUTUP

Garis panduan ini akan menjadi sumber rujukan kepada semua yang terlibat dengan proses *credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar di Malaysia.


Garis panduan ini akan dikaji dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan samada melibatkan penambahan bidang, modul latihan dan prosedur yang berkaitan.

**AKRONIM:**

<b>BAPF</b>	Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
<b>BDPSF</b>	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
<b>BLFM</b>	Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia
<b>BPF</b>	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
<b>CPFar</b>	Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
<b>JICAF</b>	Jawatankuasa Induk <i>Credentialing</i> Amalan Farmasi
<b>JKK</b>	Jawatankuasa Kerja
<b>JKPT</b>	Jawatankuasa Pelaksana & Teknikal
<b>KKM</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>MAP</b>	<i>Malaysian Academy of Pharmacy</i>
<b>MPS</b>	<i>Malaysian Pharmacists Society</i>
<b>NPRA</b>	Bahagian Regulatori Farmasi Negara
<b>P</b>	Pengarah
<b>TKPK (PF)</b>	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
<b>TP</b>	Timbalan Pengarah

# LAMPIRAN 1


## Permohonan Kelulusan Bidang / Modul Pengkhususan Baharu



## LAMPIRAN 2

### Permohonan Baharu/Pengekalan *Credentialing* Ahli Farmasi Berdaftar

LAMPIRAN 2



# **SIDANG EDITORIAL**

## **PENASIHAT**

**AKMALYATUN KAMAL BINTI KAMARUDDIN**

Pengarah

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia

**NURULFAJAR BINTI MOHD JAMID**

Timbalan Pengarah

Cawangan Pengiktirafan & Etika

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia

## **PENYUNTING**

**NURUL AFIFAH BINTI OSMAN**

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia

**NURULBALKIS @ ZUBAIDAH ANUM BINTI HAMDAN**

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia

**NOR AQILAH BINTI HASSIM**

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia

## **EXTERNAL REVIEWER**

**Cawangan Penjagaan Farmaseutikal, Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi**

**Cawangan Pembangunan Profesion Farmasi, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi**

**Seksyen Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi**

**Seksyen Kompetensi & Kualiti, Bahagian Regulatori Farmasi Negara**

## PENGHARGAAN

### PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANA & TEKNIKAL PENJAGAAN FARMASEUTIKAL

YBrs. Puan Wan Noraimi binti Wan Ibrahim

### PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANA & TEKNIKAL PENGUATKUASA & REGULATORI

YBrs. Puan Rosilawati binti Ahmad & YBrs. Encik Mohd Zawawi bin Abdullah

### PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANA & TEKNIKAL KOMUNITI & INDUSTRI

YBhg. Prof. Dr. Mohd Zulkefeli Mat Jusoh

### serta Ahli-ahli dan wakil-wakil JKPT

(mengikut susunan abjad)

Asniza binti Alias	Mohd Azaruddin bin Azis
Azrim Mariam binti Amir	Mohd Bokhari bin Mohamed Nor
Azrina binti Hassan	Ng Yi Ling
Datin Dr. Mariani Ahmad Nizaruddin	Nisha Parveen Kaur
Deenesh a/l Prabakaran	Nithiya Raj Rajalingam
Dr. Aliza binti Alias	Nor Aza binti Hassan
Dr. Hiew Fei Tsong	Normawati binti Mohamed Noor
Dr. Noraisyah binti Mohd Sani	Norshazareen binti Abd Manab
Dr. Phuar Hsiao Ling	Nurul Adha binti Othman
Dr. Sarah Anne Robert	Prof. Amrahi Bin Buang
Elaine Poon	Prof. Dr. Lua Pei Lin
Foon Hwei Foong	Prof. Dr. Mohamad Haniki bin Nik Mohamed
Hairanie binti Sa'ban	Prof. Madya Dr. Mahmathi Karuppanan
Harpreet Kaur	Prof. Madya Dr. Mai Chun Wai
Jane Lee Jia Jing	Rachel Gan May Shiang
Jasreena Kaur Gill A/P Charanjeet Singh	Saleha binti Abd Rahman @ Ngah
Jessica Saw Ching Yee	Sarah binti Abdullah
Lee Mei Wah	Shahrizal bin Saad
Lee Yean Ling	Siti Mariaton binti Abd. Moxsin
Lim Jack Shen	Somiyaton binti Mohd. Dahalan @ Damuri
Lim Shi Hao	Suliati binti Mohd Zin
Mardhiyah binti Kamal	Sunitha Esther Narendra Raj
Mohd Amin bin Mohd Mansor	Syahida binti Che Embi